



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**05 Disember 2022
10 Jamadilawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Tanjung Dahan, Kuala Linggi bukan lagi syurga belangkas• Pendaratan ikan di Terengganu merosot• Rezeki Selat Tebrau
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Tiga nelayan asing kena cekup
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Tahan bot, rampas hasil laut• Tiga nelayan Myanmar dicekup tangkap ikan dekat Kuala Selangor
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Maritim Malaysia Berjaya tahan bot nelayan guna warga asing• Pamer ikan asing tanpa kebenaran satu kesalahan
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
The Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			34	5.12.2022

Pamer ikan asing tanpa kebenaran satu kesalahan

FOTO IHSAN JABATAN PERIKANAN NEGERI TERENGGANU



Spesies ikan pendatang peacock bass yang dipamerkan tanpa kebenaran di sebuah premis jualan ikan hiasan.

KUALA TERENGGANU - Sebuah premis menjual ikan hiasan dikesan mempamerkan ikan pendatang jenis *peacock bass* dan menjual ikan *flower horn* tanpa kebenaran.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, kesalahan itu dikesan ketika program pengawasan ikan larangan di premis ikan hiasan sekitar daerah Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu pada 17 November lalu.

Kata beliau, pengusaha premis tersebut diberi amaran agar mematuhi peraturan dengan memohon kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia untuk mempamerkan ikan spesies pendatang itu.

"Ikan *peacock bass* adalah dilarang sama sekali untuk dijual manakala pameran ikan itu perlu mendapat kebenaran.

"Semua ikan di premis berkenaan telah direkod dan kedai terlibat akan dipantau secara berkala. Setiap kedai yang diperiksa juga diberikan poster dan risalah mengenai ikan spesies asing sebagai sa-

lah satu program kesedaran awam," katanya ketika dihubungi di sini pada Jumaat.

Ruzaidi memberitahu, sekiranya premis berkenaan telah mendapat kebenaran dan ikan itu mati, pemilik premis perlu merekod serta mengemukakan bukti bergambar atau membawa ikan itu sendiri ke jabatan.

"Mereka yang gagal mematuhi peraturan selepas diberi amaran berdepan dengan sitaan dan pendakwaan," katanya.

Menurut beliau, *flower horn* yang di biakkan di dalam negara boleh dijual, namun perlu memohon kebenaran daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Katanya, ikan itu disifatkan sebagai perosak berisiko tinggi yang menyebabkan ketidakseimbangan dalam ekosistem.

"Antara implikasinya adalah spesies ikan tempatan akan pupus kerana perlu bersaing untuk mendapatkan makanan.

"Selain itu, sifat ikan ini yang begitu agresif menjadikan ikan ini pemangsa kepada spesies ikan tempatan," jelas beliau.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	32	5-12-2022

Tanjung Dahan, Kuala Linggi bukan lagi syurga belangkas

Oleh HADI AB. MANAP dan MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI
 utusannews@mediamula.com.my

ALOR GAJAH: Pantai sekitar Tanjung Dahan dan Kuala Linggi dekat sini layak dipanggil 'syurga belangkas' suatu masa dahulu memandangkan rata-rata nelayan di lokaliti berkenaan menjadikan haiwan eksotik itu sebagai punca pendapatan lumayan.

Maka, tidak hairanlah restoran dan kedai makan di sekitar kawasan itu juga banyak menawarkan hidangan unik tersebut, memandangkan belangkas sememangnya mendapat permintaan tinggi dalam kalangan peminatnya tersendiri.

Bagaimanapun, saban hari, nelayan tempatan mendakwa populasi belangkas semakin merosot, lantas menjejaskan mata pencarian mereka.

Dakwa mereka, ia mungkin disebabkan impak pelbagai pembangunan projek pesisir pantai di situ termasuk penggunaan pukat haram seperti 'bubu hantu' yang jelas mengancam pembiakan spesies berkenaan.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, pemburu belangkas, Jefri Sulaiman, 53, berkata, sebelum ini kebanyakan nelayan mampu menangkap antara 40 hingga 50



PESISIR Pantai Tanjung Dahan di Kuala Sungai Baru, Melaka antara kawasan tumpuan nelayan mencari belangkas. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

ekor sehari, tetapi kini tangkapan belangkas merosot hanya sekitar 10 hingga 15 ekor sehari sahaja.

Menurutnya, jumlah belangkas yang mendapat jolokan 'predator laut' itu amat berkurangan, walaupun ketika musim air pasang besar, di mana ia kebiasaannya naik ke pesisir pantai.

"Belangkas di sini sangat banyak dan mudah ditemui ke-

tika air pasang besar. Haiwan ini juga mudah ditangkap dengan mencarinya di pesisir pantai atau menggunakan jaring. Namun, sejak kebelakangan ini tangkapan belangkas merosot dengan ketara. Kalau dapat empat atau lima ekor sehari pun sudah dikira bernasib baik.

"Saya tidak pasti punca masalah ini, mungkin disebabkan pelbagai pembangunan projek pesisir pantai termasuk penggu-

naan pukat haram seperti bubu hantu yang mengancam pembiakan spesies berkenaan," katanya ketika ditemui.

Belangkas merupakan sejenis haiwan yang hidup di laut dan paya air tawar, mudah ditangkap di tepi-tepi pantai kerana tidak menggigit.

Tambah Jefri yang sudah lebih 30 tahun menangkap belangkas, untuk perancangan masa depan dia perlu memikir-



JEFRISULAIMAN

kan alternatif lain mencari reze-ki, sekiranya populasi hidupan laut itu kian berkurangan.

Katanya, permintaan yang tinggi untuk telur dan isi belangkas membuatkan haiwan berdarah biru berkenaan menjadi sumber pendapatan yang amat menguntungkan.

"Selama ini saya membesarkan anak-anak dengan hasil menjual belangkas. Kerja ini adalah sumber mata pencarian yang paling mudah. Kerja sekejap saja dah boleh dapat RM50.

"Namun, situasi sekarang jauh berbeza kerana tidak banyak belangkas yang boleh ditemui di pesisir pantai. Jika keadaan ini berterusan, saya terpaksa turun semula ke laut dengan menumpang bot rakan-rakan," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		30	S-12-2022



SEBAHAGIAN daripada bot nelayan yang 'terkandas' dan tidak dapat keluar untuk tangkapan ikan pada musim tengkujuh di Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Pendaratan ikan di Terengganu merosot

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaid.noor@meriamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Pendaratan ikan daripada nelayan tempatan di kebanyakan jeti di negeri ini merosot kira-kira 50 peratus pada musim tengkujuh ini. Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Besut, Tengku Harun Tengku Ismail berkata, pendaratan ikan mula berkurangan sejak November lalu dijangka berlarutan sehingga Februari tahun depan. Menurut beliau, keadaan tersebut berlaku apabila kebanyakan nelayan bot pukot jerut tidak dapat keluar menangkap ikan kerana cuaca tidak menentu. Katanya, kebanyakan ikan yang berada di pasaran sekarang

hasil tangkapan nelayan bot pukot tunda, bubu dan pancing. "Kekurangan jumlah tangkapan ikan itu menyebabkan berlaku kekurangan bekalan di pasaran dan harga ikan dijual lebih mahal antara 30 hingga 50 peratus," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam. Tengku Harun memberitahu, kebanyakan ikan yang dijual di pasaran tempatan adalah ikan sejuk beku yang dibekalkan dari Endau, Johor dan Kuantan, Pahang. Menurutnya, ikan sejuk beku dijual lebih murah kerana harga dikawal Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). "Kebanyakan ikan sejuk beku itu adalah ikan rakyat seperti ikan selayang, cencaru, tongkol

dan kembung," ujarnya. Sementara itu, seorang peniaga di Kuala Terengganu, Rahman Abdul Salleh, 45, berkata, harga ikan selayang meningkat antara RM12 dan RM15 sekilogram berbanding hanya RM8 dan RM10 sekilogram sebelum ini. Sementara itu, katanya, harga ikan kembung turut naik kepada RM28 sekilogram, berbanding antara RM20 dan RM22 sekilogram. "Sotong pula dijual pada harga RM45 sekilogram, ikan tenggiri RM42 sekilogram, ikan merah RM45 sekilogram, kerisi RM16 sekilogram, ikan cencaru RM15 sekilogram, ikan bawal RM34 sekilogram dan udang harimau antara RM4 dan RM50 sekilogram," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	18	5-12-2022

Tahan bot, rampas hasil laut

BAGAN SERAI – Maritim Malaysia (APMM) menerusi Zon Maritim Kuala Kurau menahan sebuah bot di Tanjung Piandang di sini kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd. Najhan Azman Hamid berkata, bot itu ditahan pukul 2.30 petang pada kedudukan 0.8 batu nautika barat daya Tanjung Piandang.

Menurut Mohd. Najhan, semasa pihaknya melakukan rondaan rutin di perairan Kuala Kurau dan Tanjung Piandang, anggota APMM mengesan sebuah bot yang bergerak dalam keadaan mencurigakan lalu mendekatinya untuk tujuan pemeriksaan.

"Pemeriksaan lanjut menemui tiga nelayan tempatan termasuk tekong berusia 50 hingga 71 tahun di dalam bot berkenaan.

"Pemeriksaan ke atas dokumen mendapati, bot itu me-

miliki lesen yang sah, namun pemilik asalnya tidak mengusahakan sendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mohd. Najhan berkata, selain itu, sebanyak 200 kilogram hasil ikan turut ditemui semasa pemeriksaan dibuat.

"Kesemua kru, bot nelayan, hasil tangkapan dan peralatan menangkap ikan telah ditahan dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kurau di sini untuk tindakan lanjut.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu pemilik asal tidak mengusahakan sendiri bot.

Sebarang aduan dan keceemasan, orang ramai diminta supaya melaporkan kepada APMM menerusi **MERS 999** atau Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Kurau di talian **05-7279919**.



UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				5/12/2022



Rezeki Selat Tebrau

DUA nelayan menaikkan jaring yang dipasang kira-kira 100 meter dari daratan dipenuhi pelbagai jenis ikan di perairan Selat Tebrau, Stulang Laut, Johor Bahru, semalam.
- UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			2	5.12.2022



TIGA nelayan asing ditahan APMM Selangor kerana disyaki melanggar syarat sah lesen.

Tiga nelayan asing kena cekup

Kuala Selangor: Tiga nelayan warga asing ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor kerana disyaki melanggar syarat sah lesen.

Mereka ditahan ketika pasukan melakukan rondaan rutin di kedudukan 3.1 batu nautika Kuala Selangor pada jam 10.45 pagi, kelmarin.

Pengarah APMM Selangor

Kapten Maritim V Siva Kumar berkata, bot dinaiki nelayan terbabit dipercayai melakukan aktiviti perikanan di kawasan berkenaan.

Katanya, pemeriksaan mendapati bot terbabit dikendalikan tiga kru termasuk tekong warga Myanmar berusia 31 hingga 39 tahun.

"Mereka tidak mempunyai sebarang dokumen penge-

nalan diri yang sah.

"Untuk itu, bot bersama kru dibawa ke jeti Polis Marin Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk tindakan lanjut," katanya.

Siva Kumar berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	15	5-10-2022

Maritim Malaysia berjaya tahan bot nelayan guna warga asing

KUALA SELANGOR - Sebuah bot nelayan tempatan yang menggunakan kru warga asing berjaya ditahan di perairan Kuala Selangor di sini pada Sabtu.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor, Kepten Maritim V. Siva Kumar berkata, bot itu ditahan ketika melakukan aktiviti perikanan di kedudukan 3.1 batu nautika Kuala Selangor menerusi rondaan rutin yang dijalankan pihaknya.

"Hasil pemeriksaan mendapati, bot itu dikendalikan oleh tiga kru termasuk tekong warga Myanmar berusia lingkungan 31 hingga 39 tahun tanpa sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Bot bersama kru dibawa ke Jeti Polis Marin Pulau Indah

untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia bagi tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurut Siva, kes berkenaan disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

"Maritim Malaysia memandang serius dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan di perairan negara serta akan terus melakukan rondaan dan pemantauan di sempadan negara

Sebarang aduan dan maklumat mengenai kegiatan jenayah serta kecemasan di laut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Selangor di talian 03-31760627 atau MERS 999 untuk tindakan.



Anggota Maritim memeriksa kru warga asing sebuah bot nelayan tempatan di perairan Kuala Selangor, pada Sabtu.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			12	5.12.2022

Tiga nelayan Myanmar dicekup tangkap ikan dekat Kuala Selangor

KUALA SELANGOR – Tindakan tiga nelayan warga Myanmar menangkap ikan secara haram mengundang padah apabila ditahan pihak berkuasa kira-kira 3.1 batu nautika di perairan daerah ini kelmarin.

Kesemua lelaki terdiri daripada kru dan tekong bot berusia 31 hingga 39 tahun itu ditahan Maritim Malaysia (APMM) pukul 10.45 pagi.

Pengarah APMM Selangor,

Kepten Maritim V. Siva Kumar berkata, penahanan itu dilakukan ketika pihaknya melakukan rondaan rutin di sekitar perairan berkenaan.

Katanya, pemeriksaan dijalankan selepas mendapati bot itu dalam keadaan mencurigakan dipercayai sedang melakukan aktiviti perikanan.

“Tiga nelayan asing itu kemudian didapati tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan

diri yang sah.

“Selain itu, mereka melakukan kesalahan melanggar syarat sah lesen yang ditetapkan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, tiga nelayan yang ditahan dihantar kepada polis.

Jelas Siva Kumar, bot dan semua lelaki itu dibawa ke Jeti Polis Marin Pulau Indah bagi tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.



TIGA lelaki warga Myanmar ditahan pihak berkuasa di perairan Kuala Selangor kelmarin.